



Ruj.Kami : Prk.ML.08/35-25 Jld.D (II )  
Tarikh : 14 Jun 2017

## **SEGERA DENGAN FAKS DAN POS**

### **SEPERTI SENARAI EDARAN**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan,

### **PELAKSANAAN PEMASANGAN ALAT PERANTI PENYISIH PENYU (*TURTLE EXCLUDER DEVICE - TED*) KE ATAS VESEL YANG MENGGUNAKAN PERALATAN TAMBAHAN PUKAT TUNDA MUSIM TENGGUJUH (PTMT) (PEKELILING PELESENAN BIL. 6/2017)**

Adalah dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Perikanan Malaysia telah melesenkan peralatan tambahan iaitu pukat tunda musim tengkujuh (PTMT) ke atas vesel zon A dan zon B yang bermuatan 25 GRT ke bawah. Peralatan PTMT ini hanya dilesenkan di perairan Pantai Timur Semenanjung Malaysia sahaja melibatkan negeri Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan. Tempoh operasi bagi vesel yang menggunakan peralatan tambahan PTMT ini bermula pada 1 November hingga 31 Mac tahun berikutnya.

3. Sehubungan itu, Jabatan ini melalui Institut Penyelidikan Rantau Abang, Terengganu telah melakukan kajian penggunaan peranti penyisih penyu (*Turtle Excluder Device – TED*) ke atas vesel PTMT yang menunjukkan bahawa penggunaan TED tidak menjejaskan hasil tangkapan udang bahkan dapat mengurangkan tangkapan ikan baja antara 10% hingga 15%. Pada bulan Disember 2016, Jabatan ini telah memohon secara rasmi daripada Kerajaan Amerika Syarikat untuk Malaysia memperolehi Pensijilan Penggunaan TED di Malaysia di bawah *Section Program 609 (USA)*. Oleh itu, dua (2) orang pegawai teknikal dari Amerika Syarikat dijadualkan akan mengadakan lawatan ke negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia pada

bulan November 2017 untuk menjalankan pemeriksaan tahap penggunaan TED ke atas vesel-vesel PTMT di negeri Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan.

4. Oleh yang demikian, setelah penelitian dan pertimbangan dibuat oleh Jabatan ini akan melaksanakan syarat lesen yang baharu iaitu **mewajibkan pemasangan alat peranti penyisih penyu (*Turtle Excluder Device – TED*) ke atas vesel-vesel yang menggunakan peralatan tambahan pukut tunda musim tengkujuh (PTMT) di negeri Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan.** Pejabat Perikanan Negeri (PPN) yang terlibat hendaklah menyediakan cop bagi syarat tersebut seperti yang dinyatakan di atas untuk diedarkan kepada semua Pejabat Perikanan Daerah (PPD) di bawah seliaan YBhg. Datuk/Dato'/Tuan untuk dicop di dalam buku lesen vesel penangkapan ikan tempatan yang berdaftar menggunakan peralatan tambahan PTMT di negeri masing-masing **PADA KADAR YANG SEGERA.**

5. Selaras dengan itu, YBhg. Datuk/Dato'/Tuan diminta untuk memaklumkan dan membuat hebahan secara menyeluruh berhubung perkara ini kepada semua pihak berkepentingan yang terlibat serta semua kakitangan unit pelesenan di peringkat negeri dan daerah berhubung pekeliling pelesenan ini yang berkuatkuasa **BERMULA 1 NOVEMBER 2017.** Segala kerjasama dan tindakan daripada YBhg. Datuk/Dato'/Tuan dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**( DATUK HAJI ISMAIL BIN ABU HASSAN )**  
Ketua Pengarah  
Jabatan Perikanan Malaysia  
**PUTRAJAYA**

s.k.:

Ketua Pengarah  
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)  
Pejabat Ketua Pengarah APMM,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Aras 4-11, One IOI Square, IOI Resort,  
**62502 PUTRAJAYA**  
No. Faks : 03-8941 4000 / 03-8994 3731

Ketua Pengarah  
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia  
Wisma LKIM, Jalan Desaria,  
Pulau Meranti,  
47120, Puchong,  
**SELANGOR**  
No. Faks : 03 - 8060 3726

Komander  
Pasukan Polis Marin  
Tingkat 24, Menara 1,  
Ibu Pejabat Polis DiRaja Malaysia,  
Bukit Aman,  
**50560 KUALA LUMPUR**  
No. Faks : 03-2266 3227 / 03-2272 4390

Pengurus Besar  
Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT)  
No. 152, 1st Floor,  
Jalan 2/3A, Pusat Bandar Utama,  
KM 12, Jalan Ipoh,  
**68100 KUALA LUMPUR**  
No. Faks: 03-6138 7819

YBrs. Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pembangunan)

YH. Dato' Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pengurusan)

Semua Pengarah Bahagian

Semua Ketua Cawangan, Bahagian Pengurusan Sumber

Penasihat Undang-Undang, Jabatan Perikanan Malaysia

Ketua Unit Komunikasi Korporat

- Mohon pihak tuan untuk memuatnaik pekeliling ini ke dalam laman web Jabatan.

Semua Pegawai Perikanan, Bahagian Pengurusan Sumber

## **SENARAI EDARAN**

Pengarah Perikanan Negeri Johor

Pengarah Perikanan Negeri Terengganu

Pengarah Perikanan Negeri Pahang

Pengarah Perikanan Negeri Kelantan